KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	10.02.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			



SEBAHAGIAN kulit harimau, kulit beruang dan kepala rusa yang ditemui di sebuah premis tanpa ada permit penyimpanan di Kuala Lumpur baru-baru ini. – IHSAN PERHILITAN

Premis simpan kulit harimau, beruang disita Perhilitan

PUTRAJAYA – Sebuah premis yang menyimpan bahagian haiwan liar diserbu oleh pasukan penguatkuasaan dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Menurut hantaran agensi berkenaan di laman sosialnya, ia hasil pemeriksaan secara mengejut di sebuah premis yang terletak di ibu kota itu pada cuti Tahun Baharu Cina minggu lalu.

"Pihak Perhilitan telah bertindak merampas anggota hidupan liar disyaki kepala rusa, kulit harimau dan kulit beruang yang dipelihara tanpa dokumen penyimpanan Perhilitan," katanya.

Satu laporan polis kemudian dibuat di balai polis berhampiran dan kesemua barangan yang dirampas telah dibawa ke pejabat Perhilitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kes terbabit akan disiasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Sekiranya disabitkan kesalahan di mahkamah, pelakunya boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada RM500,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.